

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 23/03/2020

Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Syabas dan tahniah atas pelantikan YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan sebagai **Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** berkuatkuasa pada 23 Mac 2020.

YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, 58 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti New Haven, Connecticut, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama yang di sandang sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan, penyelidikan dan penguatkuasaan serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan), Kementerian Dalam Negeri. Selain itu, beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri.

Dengan pengalaman dan kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, saya yakin beliau mampu membawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam mentransformasikan persekitaran bandar yang lebih kondusif demi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan rakyat.

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
23 Mac 2020
28 Rejab 1441

Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/14>